

21/06/2002

Enam usul sokong ucapan dasar presiden

WAKIL Umno Perak, Datuk Husni Hanadzlah mencadangkan enam usul bagi menyokong ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung parti.

Usul itu ialah:

\* Mensyukuri rahmat Allah SWT yang menjadikan Umno terus diyakini rakyat teramai sebagai sebuah institusi politik yang cemerlang dan mampu menunjangi harapan bangsa, agama dan negara dalam menangani cabaran masa depan.

\* Meyakini bahawa Umno satu-satunya wadah yang berjaya menyatupadukan dan memajukan orang Melayu dan Bumiputera dulu, kini dan akan datang.

\* Mengakui hakikat bahawa Umno terus mengangkat martabat dan maruah bangsa Melayu dan agama Islam di persada dunia sebagai sebuah negara Islam yang berjaya.

\* Menerima bahawa kejayaan dasar Umno selama ini kerana berteraskan prinsip membela rakyat di bandar dan luar bandar serta pengarahannya yang berwawasan dan inovatif.

\* Menyedari bahawa usaha ke arah pemulihan politik sejak pilihan raya ke-10 menunjukkan kesan yang amat positif.

\* Menginsafi bahawa masa depan Umno bergantung kepada proses pembaharuan dan penyertaan dari generasi muda.

Perhimpunan Agung yang bersidang semalam turut mengambil ketetapan:

\* Menyokong kuat kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno dan juga Perdana Menteri Malaysia.

\* Menghargai dan menghayati ucapan dasar Presiden yang bernas, berani dan mempunyai makna yang mendalam demi memajukan bangsa.

\* Menyokong dasar kerajaan yang tegas dan konsisten menentang sebarang bentuk keganasan, kefahaman militan dan tafsiran agama secara sempit dan keterlaluan.

\* Menerima hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang berdaulat, berjaya dan dihormati.

\* Menjadikan orang Melayu semakin berdaya saing serta maju dalam era globalisasi dan zaman teknologi maklumat melalui penguasaan ICT dan bahasa Inggeris secara mantap dan kukuh tanpa menghakis jati diri bangsa Melayu dan kedaulatan bahasa kebangsaan.

\* Menentang sebarang bentuk kezaliman dan penindasan terhadap mana-mana bangsa dan kaum terutama kebiadapan, kerakusan dan penganiayaan Israel terhadap rakyat Palestin.

\* Menyokong penerusan dasar pembangunan sosioekonomi dan menghargai tindakan kerajaan melaksanakan pakej rangsangan dan program pembelaan rakyat seperti perumahan awam kos rendah, pembangunan prasarana, pendidikan, kesihatan, keusahawanan dan lain-lain.

\* Menggesa kerajaan supaya terus bertindak ke arah menyeimbangkan pendapatan antara kaum selaras dengan semangat dan prinsip Dasar Ekonomi Baru.

\* Meneruskan usaha untuk memantapkan struktur parti di semua peringkat dengan menambahkan keahlian Umno, mendaftar ahli sebagai pengundi dan memperhebatkan program demi memenangi hati dan fikiran rakyat.

\* Menghargai jasa veteran Umno dan memastikan proses pembaharuan Umno dengan membuka pintu dan menarik minat golongan muda untuk menyertai parti serta mendokong perjuangannya.

(END)